

Cerita Rakyat Sabah

Kuaya Menjadi BURUNG

Saindim Sadah




Kuaya Menjadi Burung

PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH

Cerita Rakyat Sabah

Kuaya menjadi burung



SAB00029828

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kuaya Menjadi Burung

Saindim Sadah



PERPUSTAKAAN DBP Cawangan Sabah	
No. Kelas:	Ch Sai
No. Perolehan:	
Tarikh: 12/12	TT: 6/1

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2014

Kuaya

Di dalam sebuah kampung di negeri Sabah, tinggal seorang perempuan dari suku Dusun. Dia tinggal dengan anak perempuannya yang masih kecil bernama Kuaya. Adapun suami perempuan itu telah lama meninggal dunia. Ketika itu, Kuaya baru sahaja dilahirkan. Sejak itu, ibu Kuaya terpaksa bekerja keras setiap hari untuk mencari sesuap nasi.

Kuaya yang masih kecil sentiasa dibawa oleh ibunya ketika bekerja. Lagipun tiada sesiapa yang boleh menjaganya. Adapun pekerjaan ibu Kuaya hanyalah mencuci kain atau mengemas rumah jiran-jiran yang bersimpati dengan nasibnya.

Masa terus berlalu. Kini, Kuaya telah menjangkau usia sembilan tahun. Namun, tubuhnya amat kurus kerana makan dan minum yang tidak teratur. Semuanya lantaran kesibukan ibunya.



"Kalaulah ayah Kuaya masih hidup, tentu kehidupan kami tak seteruk ini," keluh ibu Kuaya apabila memikirkan nasib mereka dua beranak. Upah yang diperolehnya tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka.

"Lebih baik saya menanam padi daripada terus mengambil upah. Kalau hasilnya lumayan, cukuplah untuk kami dua beranak." Ibu Kuaya mulai merancang untuk menanam padi. Tambahan pula apabila dia melihat orang-orang kampung mula sibuk mencari tapak huma yang sesuai.



"Tahun ini saya mesti berhuma. Biarlah Kuaya tinggal sendirian di rumah." Begitulah azam ibu Kuaya setelah berfikir masak-masak.

"Hari ini ibu akan keluar mencari tapak huma. Kamu kena jaga rumah baik-baik," pesan ibu Kuaya pada suatu pagi.

"Bolehkah saya ikut ibu?" tanya Kuaya dengan mata bersinar-sinar kegembiraan.

"Tak boleh. Di dalam hutan itu banyak nyamuk. Nanti kamu digigitnya." Begitu tegas ibu Kuaya melarangnya.

Walaupun Kuaya berkeras mahu mengikut, namun ibunya tetap dengan keputusannya. Maka, tinggallah Kuaya keseorangan di rumah sepanjang hari.

Menjelang petang, pulanglah ibu Kuaya dengan wajah berseri-seri.

"Ibu sudah jumpa tapak berhuma?" tanya Kuaya ketika melihat wajah gembira ibunya.

"Ya, ibu sudah menjumpai tapak huma yang sesuai dan subur. Jaraknya pula agak jauh dari rumah kita. Oleh itu, mulai esok, ibu akan mula menebas hutan. Kamu kenalah jaga rumah ini."

"Saya nak ikut ibu menebas," kata Kuaya dengan bersemangat.

"Kamu tak boleh ikut ibu semasa menebas sebab di dalam hutan itu ada banyak nyamuk. Nanti ibu akan bawa kamu apabila selesai menebas." Jawapan itu amat mengecewakan Kuaya. Namun, dia tetap patuh dan hanya berdiam diri apabila mendengar kata-kata ibunya.

Keesokannya, ketika embun pagi masih menitik, ibu Kuaya sudah pun meninggalkan rumah.

"Ingat, jangan buat apa-apa ketika ibu tiada di rumah." Pesanan ibunya tetap Kuaya patuh. Ibunya juga mengunci pintu rumah dari luar untuk memastikan anaknya itu tidak keluar.



Cerita rakyat termasuk dalam kelompok kesusasteraan tradisional. Kebiasaannya, cerita rakyat berkisar kepada kehidupan sesuatu kaum atau masyarakat meliputi cara hidup dan perkara-perkara yang menjadi amalan seharian mereka. Sabah yang terdiri daripada pelbagai kaum dan suku juga kaya dengan cerita rakyat. Cerita-cerita rakyat ini cuba menyampaikan mesej positif kepada pembaca, khususnya peringkat rendah dalam membina jati diri di samping mengenal akal budi sesuatu kaum. Budaya kenal mengenal ini akan melahirkan masyarakat majmuk yang harmoni.

Judul-judul dalam *Cerita Rakyat Sabah*:

Kuaya Menjadi Burung
Lemak Ajaib
Sumandak yang Bertuah
Kukundayo dengan Monyet
Anak-anak Menewaskan Gergasi

Cetakan Pertama 2014
© Saindim Sadah

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Saindim Sadah

Cerita Rakyat Sabah : KUAYA MENJADI BURUNG / SAINDIM SADAH

ISBN 978-983-46-1783-7

1. Folk literature, Malay Sabah. I. Judul.
398.20959521

Dicetak oleh:

Harian (Zulfadzli) Sdn Bhd,
No.24 Jalan Usahawan Lima,
Kawasan Perindustrian Setapak,
Off Jalan Genting Klang,
Setapak 53200 Kuala Lumpur.
Tel: 603-40218655 Faks: 603-40218645



ISBN 978-983-46-1783-7



9 789834 617837